

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan

# PM ajak rakyat daftar suntik vaksin

Dapatkan giliran menerusi aplikasi MySejahtera

**Putrajaya:** Mengukir sejarah sebagai individu pertama menerima suntikan vaksin COVID-19 di negara ini dengan disaksikan secara langsung, Tan Sri Muhyiddin Yassin semalam mengajak segenap lapisan rakyat tampil mendaftar untuk melakukan perkara sama.

Berkongsi keyakinan untuk mengakhiri rantaian penularan COVID-19, Perdana Menteri berkata, rakyat Malaysia dan mereka yang berada di negara ini perlu mendaftar menerusi aplikasi MySejahtera bagi membolehkan giliran penerimaan suntikan vaksin COVID-19 ditentukan.

"Saya hendak merayu kepada rakyat Malaysia dan mereka yang tinggal di negara ini yang akan mendapat suntikan secara percuma, supaya tampil dan mendaftar dalam aplikasi MySejahtera supaya mendapat giliran diberi vaksin COVID-19.

"Yakin dan percayalah dengan usaha kerajaan ini untuk memastikan usaha kita memutuskan rantaian COVID-19 akan berjaya.

"Kita perlu sama-sama mendukung usaha supaya negara kita bebas daripada wabak COVID-19 dalam tempoh singkat," katanya selepas majlis di Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Putrajaya Presint 11 di sini, yang turut menandakan bermula Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan.

Perdana Menteri turut menceritakan pengalaman mengharungi detik bermakna mendapat dos pertama suntikan vaksin Pfizer-BioNTech.

"Saya tak rasa apa-apa pun. Sa-

**Yakin dan percayalah dengan usaha kerajaan ini untuk memastikan usaha kita memutuskan rantaian COVID-19 akan berjaya.**

**Muhyiddin Yassin,**  
Perdana Menteri

ya tunggu sekejap tengok dah habis, macam suntikan biasa.

"Jangan bimbang tampil ke hadapan bila-bila masa," katanya.

Perdana Menteri menzahirkan kesyukuran kerana suntikan vaksin itu adalah lambang keyakinan bahawa ia selamat dan berkesan.

Terdahulu, sejeurus tiba pada jam 2.25 petang, Perdana Menteri membuat saringan suhu badan dan gejala sebelum mendaftar



**Muhyiddin menunjukkan poster 'Saya Telah Divaksin' selepas menerima suntikan di Pusat Pemberian Vaksin COVID-19 di Putrajaya, semalam.**

(Foto Mohd Fadli Hamzah /BH)

menggunakan kod QR dalam MySejahtera.

Beliau kemudian menyerahkan kad pengenalan kepada petugas kesihatan untuk disahkan identiti penerima vaksin, sebelum ke auditorium bagi mendengar taklimat penerimaan vaksin oleh Pengarah Pejabat Ke-

sihatan Putrajaya.

Selesai taklimat, Muhyiddin mendengar penjelasan pegawai perubahan bertugas dan mengisi serta menandatangani borang persetujuan penerimaan vaksin, sebelum bergerak ke stesen suntikan untuk menerima vaksin berkenaan.